

Newspaper	Berita Harian
Date	4 October 2015



Najib ketika berucap pada sesi ke-70 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York, kelmarin. (FOTO AFP)

BH - 4/10/2015

Lawatan kerja di AS berjaya capai sasaran

» PM sifatkan pertemuan dengan pelabur; pengurus dana beri hasil positif

Kadir Dikoh
kadiro@bh.com.my
New York



Datuk Seri Njyib Razak merumuskan bahawa lawatan kerjanya sempena Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) di sini, sejak lebih seminggu lalu, berhasil membuahkan sesuatu yang positif bagi Malaysia.

Menurut Perdana Menteri, pertemuannya dengan pelabur dan pengurus dana Amerika Syarikat (AS) di luar UNGA serta pertemuan dua hala bersama pemimpin dunia lain, amat memberangsangkan.

"Alhamdulillah, pelbagai sektor nampaknya menerima

dengan positif peranan dan pendirian Malaysia. Dari sudut pentadbiran Kerajaan AS, mereka lihat Malaysia amat positif.

"Pertama, sebagai sebuah negara Islam, yang mengamalkan Islam berasaskan wassatiyah, mereka senang dengan pendirian kita. Kedua, kita menentang IS (Kumpulan Negara Islam) dan mereka menerima baik keputusan kita untuk jadi sebahagian gerakan antarabangsa menentang keganasan melampau," katanya kepada wartawan Malaysia di akhir UNGA di sini, kelmarin.

Katanya, komuniti perniagaan AS amat positif dengan Malaysia dan yakin pelaburan mereka akan mendatangkan pulangan memuaskan, selain melihat prospek masa depan ekonomi yang baik.

Beliau juga berkata, pelabur AS menghargai kestabilan dan ketetapan dasar Malaysia yang berterusan, selain pendekatan kerajaan yang mesra peniaga.

• "Ini bermakna mereka boleh melihat, membeza di antara berita yang digembar-gemburkan melalui blog, berita dalam akhbar tetapi hakikat sebenar, prospek Malaysia dan kemesraan perniagaan oleh kerajaan Malaysia, diiktiraf oleh mereka," katanya.

Laporan TPPA ke Kabinet

Mengenai Pejaryian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA), beliau berkata, selepas ini laporan mengenainya akan dibentangkan di Kabinet dan dokumen akhir akan dibawa ke Parlimen bagi mendapat kelulusan tetapi tarikh untuk berbuat demikian belum diputuskan.

Nsyib berkata, pada UNGA kali ini, beliau memberi tumpuan kepada isu semasa dunia seperti bagaimana menangani keganasan melampau serta masalah pelarian Syria dan Iraq yang kini membanjiri Eropah.

Katanya, isu mengenai propaganda militan IS dan bagaimana mereka menggunakan media sosial untuk mempengaruhi ramai umat Islam turut dibangkitkan.

Beliau juga berkata, isu Palestin juga diketengahkan ketika UNGA dengan harapan dunia dapat melakukan sesuatu kerana rakyat Palestin sudah dizalimi sejak berdekad-dekad lamanya.